

04/02/2002

Zahid nafi dakwaan Saifuddin

KUALA LUMPUR, Ahad - Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi menafikan bahawa beliau mengetahui sebarang maklumat rahsia seperti yang didakwa oleh Timbalan Ketua Pemuda Keadilan Nasional (Keadilan), Saifuddin Nasution Ismail, semalam.

Sebaliknya, beliau berpendapat Saifuddin sedang berusaha menyelamatkan Ketua Pemuda, Ezam Mohd Nor kerana mendakwa memiliki beberapa kotak maklumat rahsia dalam simpanannya.

Bekas Ketua Pergerakan Pemuda Umno itu berkata, Ezam kini terdesak akibat kenyataannya kepada umum selama ini iaitu akan mendedahkan maklumat rahsia itu sama ada pada pilihan raya umum atau kecil.

"Sehingga kini tidak ada sebarang maklumat yang didedahkan walaupun beberapa kali kenyataan mengenainya dibuat.

"Kredibiliti Keadilan sebagai sebuah parti sudah hancur akibat kenyataan kosong dan janji palsu untuk mendedahkan maklumat rahsia yang berkotak-kotak banyaknya dan mungkin tidak pernah wujud sama sekali," katanya hari ini.

Ahmad Zahid mengulas sebagai membalas kenyataan yang dibuat oleh Saifuddin pada sidang media semalam yang mengaitkan dirinya sebagai individu yang tahu mengenai maklumat rahsia yang dimiliki Ezam.

"Dalam keadaan terdesak itu, saya cuba dikaitkan sebagai orang yang mengetahui ada maklumat itu ketika saya menjadi Ketua Pemuda Umno dulu.

"Sebagai ahli MT dan sentiasa komited dengan perjuangan Umno, saya amat meyakini kewibawaan kepimpinan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Perdana Menteri," katanya.

(END)